

BAB 4

FAKTOR SISWAZAH MENGANGGUR

4.1 Pengenalan

Dalam bab dua, penulis dan pengkaji lepas telah mengaitkan masalah pengangguran yang berlaku di kalangan siswazah dengan beberapa faktor tertentu. Antaranya ialah peningkatan dalam permintaan terhadap institusi pendidikan tinggi, *mismatch* antara permintaan dan penawaran buruh, peranan sektor awam, keadaan ekonomi negara dan sikap atau kredibiliti graduan itu sendiri. Bab ini akan melihat punca pengangguran siswazah di Malaysia dari aspek perkembangan dalam permintaan terhadap institusi pendidikan tinggi negara, *mismatch* dalam pasaran buruh siswazah, pertumbuhan ekonomi negara dan kelemahan graduan.

4.2 Perkembangan Institusi Pendidikan Tinggi Negara

Dalam menghadapi ekonomi negara berdasarkan pengetahuan (k-ekonomi) serta meningkatkan produktiviti dan daya saing, pembangunan sumber manusia bagi melahirkan tenaga kerja berpengetahuan tinggi, berkemahiran dan mempunyai nilai etika yang baik amat ditekankan. Lantaran itu, pendidikan dikenalpasti sebagai pelaburan utama ke arah menjayakan usaha tersebut selari dengan teori modal manusia yang melihat pendidikan dapat memperluaskan kemahiran serta mempengaruhi tingkat aktiviti ekonomi dan kebajikan masyarakat.

Matlamat asal pendidikan tinggi di negara ini yang bertujuan untuk memenuhi keperluan guna tenaga dalam pembangunan sosio ekonomi di samping melahirkan tenaga buruh mahir serta profesional telah berkembang lebih tiga dekad yang lalu. Pelaksanaan matlamat ini menerusi pelbagai institusi formal bukan hanya terhad peranannya kepada

universiti, tetapi juga politeknik, kolej dan institusi teknikal yang bertanggungjawab mengubah input manusia kepada output intelektual²³.

Di Malaysia, institusi yang menyediakan pendidikan tinggi dalam bidang akademik dan profesional ini boleh dibahagikan kepada dua komponen utama, iaitu institusi pendidikan tinggi awam (yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan) dan swasta (yang diuruskan oleh syarikat swasta dan korporat di mana meletakkan keuntungan dan nilai komersial sebagai matlamat utama) (Lee, 2001). Justeru, perkembangan dalam institusi pendidikan tinggi dilihat daripada perkembangan dalam kedua-dua komponen ini melalui pertambahan dalam bilangannya; perkembangan infrastruktur, fakulti dan staf; pertambahan bilangan enrolmen pelajar dan graduan yang dikeluarkan serta kepelbagaiannya kurikulum.

Peningkatan permintaan terhadap institusi pendidikan tinggi negara (yang ditunjukkan melalui peningkatan dalam bilangan enrolmen pelajar) secara mendadak telah menimbulkan banyak masalah. Di samping meningkatkan kos, ia juga menyumbang kepada masalah pengangguran siswazah apabila jumlah graduan yang dihasilkan terlalu ramai (Jasbir, 1985; Fatimah et al., 1987) sehingga tidak mampu diserap oleh pasaran pekerjaan. Soon (1989:11) menjelaskan;

"Too rapid an expansion at the higher level of education (in particular, at the university level) is likely to lead to wide spread unemployment of the educated".

²³ Molly N. N. Lee (1996) mendefinisikan pendidikan tinggi sebagai pelbagai jenis institusi pendidikan formal selepas peringkat menengah yang melatih kumpulan profesional peringkat atas dan pertengahan dalam program untuk mendapatkan sijil, diploma dan ijazah.

Keadaan ini diburukkan lagi dengan kurangnya maklumat tentang pasaran kerja yang menyebabkan berlakunya *mismatch* antara kemahiran graduan dengan keperluan guna tenaga negara.

Bermula dengan penubuhan Universiti Malaya pada tahun 1969, bilangan IPTA di negara ini kemudiannya terus meningkat kepada enam buah pada tahun 1983 (Fatimah et al., 1987) dan 17 buah pada masa kini²⁴ yang menawarkan pelbagai kursus/program. Sejajar dengan peningkatan ini, jumlah enrolmen pelajar dan graduan yang dikeluarkan di peringkat ijazah dan diploma juga telah meningkat di mana bagi tempoh 1985-1995, kadar peningkatan enrolmen bagi program diploma ialah sebanyak 12 peratus manakala bagi ijazah pula sebanyak 59 peratus. Jumlah ini tidak termasuk 52,000 penuntut yang belajar di luar negara dan 35,600 enrolmen pelajar di IPTS (Molly, 1996).

Adanya bantuan kewangan daripada kerajaan untuk golongan kurang mampu telah meningkatkan lagi bilangan enrolmen dan graduan dikeluarkan dari IPTA. Dalam tempoh 1995-2000, bilangan enrolmen pelajar telah meningkat daripada 122,189 orang kepada 263,098 orang (diploma dan ijazah sahaja) dan jumlah ini dijangka akan meningkat lagi kepada 392,552 orang pada tahun 2005 (rujuk jadual 4.1). Manakala, graduan yang dikeluarkan sepanjang tempoh 1995-2000 pula adalah seramai 212,162 orang dan dijangka mengalami peningkatan sebanyak 96 peratus pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Kelapan.

²⁴ Untuk mengetahui senarai nama IPTA di bawah Kementerian Pendidikan, rujuk lampiran 6.

JADUAL 4.1

Enrolmen dan Graduan Di Peringkat Ijazah Pertama dan Diploma Dari Institusi Pendidikan Tinggi Awam Tempatan, 1995-2005.

PENDIDIKAN	ENROLMEN			GRADUAN	
	1995	2000	2005	RM7	RM8
Ijazah	75,709	170,794	244,527	136,003	292,378
Diploma	46,480	92,304	148,025	76,159	122,734
Jumlah	122,189	263,098	392,552	212,162	415,112

Sumber: Disesuaikan daripada Rancangan Malaysia Kelapan.

Peningkatan dalam jumlah graduan juga semakin ketara selepas pengenalan Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 serta proses liberalisasi dalam sistem pendidikan yang memberi peluang kepada sektor swasta menawarkan tempat bagi menampung ketidakcukupan permintaan di IPTA. PTS di negara ini bukan hanya menyediakan program pengajian di peringkat tempatan, malah mengadakan kerjasama dengan universiti antarabangsa melalui penubuhan kampus-kampus cawangan di negara ini selaras dengan matlamat kerajaan untuk mengembangkan pendidikan sebagai satu industri eksport (Rancangan Malaysia Kelapan). Sehingga Disember 1999, bilangan enrolmen pelajar daripada 456 PTS yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan adalah seramai 141,668 orang, iaitu 30,940 orang di peringkat ijazah dan 110,728 orang di peringkat diploma (The Third Outline Perspective Plan).

Peningkatan jumlah enrolmen pelajar di IPTA dan PTS yang membawa kepada bilangan graduan yang ramai menunjukkan bahawa buruh berpendidikan tinggi yang memasuki pasaran pekerjaan semakin meningkat. Sepanjang tempoh 2000 hingga 2002

sahaja penyertaan mereka telah menunjukkan peningkatan daripada 13.9 peratus kepada 16.6 peratus (Laporan Ekonomi 2002/2003). Peningkatan ini akan mengehadkan peluang pekerjaan untuk mereka (Mohd. Haflah, 2003; Jasbir, 1985). Dikatakan pada setiap tahun, 60 hingga 70 peratus daripada 100,000 graduan sahaja yang akan diserap ke sektor pekerjaan. Ini menunjukkan bahawa pasaran buruh mengalami kekurangan pekerjaan dan jika ada pun lebihan, ia hanya untuk pekerja di peringkat bawahan (yang tidak mempunyai diploma dan ijazah) dan bukannya untuk kumpulan profesional/siswazah²⁵.

Daripada jadual 4.2 dapat dilihat pada tahun 2001, terdapat antara lima hingga enam pemohon bagi pekerjaan profesional/teknikal dan pentadbiran/pengurusan²⁶ dan antara tiga hingga empat pemohon bagi tahun 2002. Ini berbeza dengan golongan bukan siswazah yang mempunyai peluang kerja yang lebih banyak, terutama dalam sektor pertanian di mana nisbah pencari kerja kepada kosongan jawatan ialah sebanyak 1:85.2.

Kekurangan pekerjaan untuk golongan siswazah ini semakin meruncing terutama semasa negara mengalami kelembapan pertumbuhan ekonomi di mana pertumbuhan peluang pekerjaan didapati lebih perlahan jika dibandingkan dengan pertumbuhan dalam penawaran graduan.

²⁵ Menurut kenyataan Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-majikan Malaysia, Shamsuddin Bardan dalam Mohd Shahar et al. (2003c).

²⁶ Menurut keterangan pegawai di JTM, kedua-dua kumpulan pekerjaan ini adalah terdiri daripada pemegang diploma dan ijazah.

JADUAL 4.2

Nisbah Pencari Kerja Kepada Kekosongan Jawatan Mengikut Kumpulan Pekerjaan,
Januari-Disember 2001 & 2002.

KUMPULAN PEKERJAAN	PENCARI KERJA : KEKOSONGAN JAWATAN	
	2001	2002
Profesional/Teknikal	5.4:1	3.7:1
Pentadbiran/Pengurusan	6.1:1	3.4:1
Perkeranian & berkaitan	6.0:1	5.9:1
Penjualan	1:1.8	1:2.8
Perkhidmatan	1:1.9	1:2.2
Pertanian	1:85.2	1:85.2
Pembuatan & berkaitan	1:3.1	1:3.7

Sumber: Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia, disesuaikan.

4.3 Pertumbuhan Ekonomi

Fenomena pengangguran siswazah hebat diperkatakan di negara ini, terutamanya pada penghujung tahun 1980-an dan 1990-an. Keadaan kelembapan ekonomi yang melanda negara pada penghujung tahun 80-an (ekoran kemelesetan ekonomi dunia) dan 90-an (ekoran krisis kewangan) dilihat memberi kesan langsung kepada tingkat pengangguran umum dan pengangguran siswazah.

Masalah pengangguran siswazah bukanlah satu isu penting ketika negara menikmati pertumbuhan ekonomi yang pesat²⁷ kerana dalam tempoh ini kadar pengangguran umum adalah rendah apabila penjanaan peluang pekerjaan didapati lebih tinggi berbanding pertumbuhan dalam jumlah tenaga buruh. Pada masa ini juga jaminan

²⁷ Menurut Profesor Datuk Dr. Ibrahim Abu Shah, Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam Mohd Shahar et al. (2003b), hlm. 35.

pekerjaan adalah sesuatu yang pasti, bukan hanya bagi pekerja di sektor kerajaan, malah sektor swasta. Tetapi, keadaan adalah sebaliknya ketika negara mengalami kelembapan ekonomi. Kemelesetan ekonomi yang melanda negara pada tahun 80-an telah meningkatkan kadar pengangguran kepada 8.3 peratus pada tahun 1986 yang majoritinya terdiri daripada lepasan sekolah dan institusi pengajian tinggi. Tindakan pemulihian ekonomi yang dilaksanakan kemudiannya telah mengurangkan kadar ini kepada enam peratus pada tahun 1990 (The Second Outline Perspective Plan).

Keadaan yang sama juga berlaku sebelum krisis kewangan 1997 di mana pertumbuhan ekonomi negara pada kadar 8.5 peratus daripada tahun 1991-1997²⁸ telah menggalakkan penjanaan peluang pekerjaan. Tingkat guna tenaga penuh yang dicapai negara menyebabkan pasaran buruh menjadi lebih ketat apabila terdapat lebihan dalam peluang pekerjaan, terutamanya di sektor pertanian, perkhidmatan dan pembuatan.

Tetapi, serangan spekulator mata wang ke atas Baht Thailand telah mengubah corak pertumbuhan ekonomi di beberapa negara rantau Asian termasuk Malaysia. Penguncutan pertumbuhan ekonomi Malaysia sebanyak 7.4 peratus pada tahun 1998 telah memberi kesan langsung kepada pasaran pekerjaan negara²⁹ apabila kadar pengangguran meningkat daripada 2.6 peratus pada tahun 1996 kepada 3.9 peratus pada tahun 1998 (Mid-Term Review of the Seventh Malaysia Plan). Sehubungan itu, jumlah pencari kerja yang aktif berdaftar dengan JTM juga menunjukkan peningkatan daripada 278,473 orang kepada 371,894 orang bagi tahun yang sama berbanding jumlah pekerjaan yang ditawarkan.

²⁸ http://www.epu.jpm.my/Bi/public/White_paper_html#part4, 23 Julai2003.

²⁹ Sebagaimana dinyatakan oleh Datuk Dr. Fong Chan Onn dalam Mohd. Shahar et al. (2003d), hlm. 32.

Ekoran peningkatan dalam kadar pengangguran umum ini, jumlah siswazah yang mengangur dalam pasaran juga semakin bertambah. Ini ditunjukkan melalui peningkatan dalam bilangan pencari kerja dari kalangan pemegang diploma dan ijazah³⁰ sebanyak 172 peratus, iaitu daripada 17,906 pada tahun 1996 kepada 48,783 orang pada tahun 1998. Peningkatan ini didorong oleh kekurangan penawaran dan kelembapan penjanaan peluang pekerjaan.

Penubuhan MTEN pada 7 Januari 1998 yang bertujuan memulihkan ekonomi dengan melaksanakan beberapa langkah tertentu telah meningkatkan pertumbuhan kepada 6.1 dan 8.3 peratus pada tahun 1999 dan 2000. Prestasi ekonomi yang baik ini menyaksikan penurunan dalam kadar pengangguran kepada 3.1 peratus pada tahun 2000. Penurunan ini didorong oleh peningkatan dalam guna tenaga kepada 4.6 peratus dan penurunan dalam jumlah pekerja yang diberhentikan daripada 83,865 orang pada tahun 1998 kepada 25,236 orang pada tahun 2000³¹.

Namun, keadaan ini tidak kekal lama. Kelembapan dalam industri elektronik serta pengurangan import dari Amerika Syarikat terhadap barang elektrikal dan elektronik telah mempengaruhi keadaan ekonomi negara yang mempunyai pergantungan yang tinggi terhadap eksport dan pelaburan luar. Pengurangan dalam permintaan ini menyebabkan beberapa syarikat pengeluaran barang elektronik dan elektrikal mengambil inisiatif menjimatkan kos dan mengecilkan operasi pengeluaran, malah ada yang menutup terus syarikat. Tindakan syarikat mengurangkan tenaga kerja ini telah mengurangkan bilangan peluang pekerjaan di pasaran di samping meramaikan jumlah penganggur.

³⁰ Yang berdaftar dengan JTM.

³¹ Menurut Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn dalam Mohd. Shahar et al. (2003d), hlm. 32.

Jadual 4.3 menunjukkan secara jelas pertumbuhan ekonomi negara mempengaruhi penjanaan peluang pekerjaan untuk golongan siswazah. Meskipun tidak semua majikan melaporkan kekosongan jawatan ke JTM, pengurangan dalam jumlah peluang pekerjaan yang berlaku pada tahun 1998 dan 2001 dapat dikaitkan dengan kemelesetan ekonomi yang melanda negara akibat krisis kewangan dan kejatuhan dalam permintaan global terhadap barang dan industri elektronik.

JADUAL 4.3

**Pertumbuhan Ekonomi Dan Kekosongan Jawatan Bagi Golongan SiswaZAH,
Dari Tahun 1996 hingga 2002.**

TAHUN	PERTUMBUHAN EKONOMI	KEKOSONGAN JAWATAN UNTUK GOLONGAN SISWAZAH
1996	8.6	1,296
1997	7.7	1,574
1998	- 7.4	1,497
1999	6.1	1,702
2000	8.3	2,053
2001	0.4 ¹	1,911
2002	3.5 ²	3,508

Nota: 1 – anggaran
2 – unjuran

Sumber: <http://www.epu.jpm.my/Bi/Stat/MEIF>, 24 April 2003.
: Laporan Ekonomi, pelbagai tahun.
: Biro Pendaftaran Pekerjaan, Jabatan Tenaga Rakyat.

4.4 Mismatch Antara Permintaan dan Penawaran Buruh Siswazah.

Pengangguran yang berlaku di kalangan mahasiswa kerap dikaitkan dengan *mismatch* antara permintaan dan penawaran (Mohd Haflah, 2003; Siti Hajar et al., 1989; Kamal et al., 1989). Beberapa kesimpulan dapat dibuat tentang konsep *mismatch* yang kerap dibincangkan. Pertama, ia berlaku apabila wujud perbezaan antara jumlah graduan yang dikeluarkan dengan kapasiti penyerapan mereka ke dalam pasaran buruh. Kedua, ia berlaku apabila graduan melakukan pekerjaan yang tidak berkaitan dengan bidang kelulusan mereka dan ketiga berlaku apabila kemahiran yang ada pada graduan terlalu tinggi jika dibandingkan dengan keperluan pekerjaan ataupun kemahiran dan pengetahuan yang ada lebih rendah daripada keperluan pekerjaan atau kehendak majikan. Bagi kes yang ketiga, ia lebih merujuk kepada situasi yang dipanggil *underemployment* dan *overeducation*.

Mismatch antara kelayakan pendidikan graduan dan pekerjaan lazimnya berlaku apabila wujud kegagalan menyeimbangkan permintaan dan penawaran guna tenaga berpengetahuan tinggi dalam bidang pekerjaan tertentu. Kebanyakan graduan yang memasuki pasaran pekerjaan didapati tidak dapat memenuhi kelayakan yang diperlukan majikan (Kamal et al., 1989) akibat daripada perbezaan dalam bidang penghususan pengajian. Perkembangan sistem pendidikan tinggi negara yang menghasilkan ramai graduan dalam bidang Sastera³² dilihat tidak dapat mengimbangi keperluan tenaga buruh negara yang tinggi dalam bidang teknikal dan Sains, terutamanya bidang Kejuruteraan dan Sains Perubatan (rujuk jadual 4.4). Jurang kemahiran yang wujud ini akhirnya membawa kepada masalah pengangguran siswazah.

³² Sebagaimana dinyatakan dalam Rancangan Malaysia, jurusan di bawah bidang ini termasuklah Sastera dan Kemanusiaan, Muzik, Fotografi, Pentadbiran Awam, Pengajian Kesetiausahaan, Ekonomi dan Pemiagaan, Perakaunan, Perbankan serta Pengurusan Hotel dan Katering.

Jadual 4.4 menunjukkan bahawa negara menghadapi defisit tenaga buruh mahir yang ketara dari bidang Sains dan Kejuruteraan. Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (1995-2000), kumpulan pekerjaan Jurutera, Pembantu Jurutera serta Profesional Perubatan dan Kesihatan masing-masing mengalami defisit sebanyak 6,385, 44,169 dan 7,724 orang akibat kekurangan penawaran graduan berbanding permintaan terhadapnya. Manakala, kumpulan guru sekolah (yang majoritinya lulusan Sastera) dan Profesional Kesihatan Bersekutu pula mengalami lebihan dalam penawaran, iaitu masing-masing sebanyak 7,839 dan 10,863 orang. Kekurangan tenaga buruh dalam kumpulan Kejuruteraan ketara berlaku dalam sektor industri seperti industri elektrik dan elektronik, teknologi maklumat, seramik, kimia, kejuruteraan dan mesin, pakaian serta plastik³³.

JADUAL 4.4
Guna Tenaga Mengikut Kumpulan Pekerjaan Terpilih, 1995-2005.

PEKERJAAN	RM7			RM8		
	DD	SS	Lebihan/ Defisit	DD	SS	Lebihan/ Defisit
Jurutera	24,640	18,255	-6,385	52,915	51,716	-1,199
Pembantu Jurutera	55,378	11,209	-44,169	117,715	86,030	-31,685
Profesional Perubatan dan Kesihatan	16,309	8,585	-7,724	15,565	7,364	-8,201
Profesional Kesihatan Bersekutu	13,305	24,168	10,863	70,769	30,190	-40,579
Guru Sekolah	61,234	69,073	7,839	51,003	51,003	0

Nota: DD – permintaan
 SS – penawaran

Sumber: Disesuaikan daripada Jadual 4-4, Rancangan Malaysia Kelapan.

³³ <http://members.tripod.com/~azman97/essay5.html>, 5 Ogos 2003.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (2000-2005), kesemua kumpulan pekerjaan dijangka akan mengalami defisit tenaga buruh kecuali bagi kumpulan guru sekolah di mana akan mengalami keseimbangan antara penawaran dan permintaannya. Kekurangan penawaran paling tinggi dijangkakan bakal dialami negara pada masa hadapan ialah dalam kumpulan pekerjaan Profesional Kesihatan Bersekutu, iaitu sebanyak 40,579 orang.

Ketidakseimbangan antara permintaan dan penawaran buruh mengikut kumpulan pekerjaan ini akan mewujudkan jurang kemahiran dan meningkatkan masalah pengangguran di kalangan siswazah, terutamanya apabila terlalu ramai graduan dikeluarkan dalam bidang yang tidak sepatutnya seperti yang kurang mempunyai prospek dalam pasaran pekerjaan.

Jadual 4.5 pula menunjukkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (1995-2000), jumlah dan peratusan siswazah aliran Sastera yang dikeluarkan oleh universiti tempatan (di peringkat diploma dan ijazah) adalah tinggi berbanding aliran Sains dan teknikal. Jumlah ini dijangka akan terus meningkat bagi tempoh 2000-2005 meskipun kerajaan telah menetapkan nisbah pengambilan pelajar Sains kepada Sastera sebanyak 60:40 peratus sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelapan.

Penawaran graduan yang ramai dalam bidang Sastera akan memburukkan lagi keadaan pengangguran apabila peluang pekerjaan yang ditawarkan untuk golongan ini amat terhad. Ini kerana peluang pekerjaan yang ditawarkan lazimnya hanya mengisi sebahagian kecil jawatan pentadbiran dan pengurusan dalam struktur syarikat. Sebagai contoh, kajian yang dilakukan oleh firma-firma perkilangan di kawasan utara Semenanjung Malaysia mendapati jawatan pengurusan hanya menyumbangkan kurang

daripada 10 peratus daripada bilangan staf bagi syarikat yang mempunyai 500 orang pekerja dan kurang daripada lima peratus daripada bilangan staf bagi syarikat yang mempunyai 500 hingga 5000 orang pekerja³⁴.

JADUAL 4.5

Graduan yang Dikeluarkan oleh IPTA Tempatan Mengikut Bidang Pengajian Di Peringkat Diploma dan Ijazah, 1995-2005.

KURSUS	GRADUAN				
	RM7	%	RM8	%	
Ijazah					
Sastera	78,443	57.7	134,764	46.1	
Sains	34,805	25.6	91,607	31.3	
Teknikal	22,765	16.7	66,007	22.6	
Diploma					
Sastera	43,206	56.7	51,449	41.9	
Sains	13,317	17.5	31,682	25.8	
Teknikal	19,636	25.8	39,603	32.3	

Sumber: Disesuaikan daripada Jadual 4-6 dan 4-7, Rancangan Malaysia Kelapan.

Lebihan graduan dalam bidang Sastera berbanding bidang Sains dan teknikal telah memperbesarkan masalah pengangguran siswazah di negara ini apabila berlaku ketidakseimbangan antara output institusi pendidikan tinggi negara dengan kehendak dan keperluan pasaran pekerjaan.

³⁴ <http://www.seri.com.my/EconBrief2001-07.pdf>, 29 Julai 2003.

4.5 Kelemahan Siswazah

Apabila bercakap mengenai pengangguran siswazah, perkara yang sering dipersoalkan ialah apakah bidang pengajian mereka dan adakah ia relevan dengan kehendak pasaran buruh semasa. Graduan sering dipersalahkan dan dikatakan tidak pandai memilih jurusan atau bidang yang boleh mengisi kehendak pasaran pekerjaan. Tindakan mereka yang lebih gemar memilih bidang Sastera yang terhad peluang pekerjaannya telah menyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran³⁵. Menurut Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi negara, Datuk Mustapa Mohamed, kebanyakan graduan yang menyertai skim latihan siswazah menganggur adalah mereka dalam bidang Sastera (31.1 peratus), Ekonomi (11.3 peratus), Perakaunan (9.2 peratus), Pentadbiran Perniagaan (8.8 peratus) dan Pengajian Islam (8.6 peratus). Selebihnya adalah mereka dalam bidang Sains 7.8 peratus), Kejuruteraan (5.5 peratus) dan bidang lain (9.2 peratus).

Di samping itu, kegagalan pelajar menguasai bahasa Inggeris yang diiktiraf sebagai bahasa komunikasi di peringkat antarabangsa telah menyebabkan ramai siswazah sukar mendapat pekerjaan, khususnya di sektor swasta. Berdasarkan maklum balas yang diperoleh daripada pihak majikan menerusi dialog Kementerian Sumber Manusia dengan Persekutuan Majikan Malaysia dan Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia, siswazah tempatan secara keseluruhannya didapati tidak fasih berbahasa Inggeris serta tidak mempunyai kemahiran dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)³⁶. Kelemahan siswazah ini juga amat ketara apabila ramai di antara mereka yang

³⁵ Menurut kenyataan Dr. Mahathir dalam Berita Harian bertarikh 6 Mei 2002.

³⁶ Menurut kenyataan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn dalam Berita Harian bertarikh 27 Mei 2002.

menyertai Skim Latihan ICT dan Bahasa yang dianjurkan oleh kerajaan bagi mengatasi masalah pengangguran siswazah (rujuk jadual 3.12).

Kelemahan menguasai bahasa Inggeris di kalangan graduan tempatan menyebabkan sektor swasta di negara ini lebih berminat mengambil graduan lepasan institusi pengajian tinggi luar negara. Kelemahan ini juga dapat dilihat menjadi punca pengangguran apabila 13 peratus daripada 31,000 graduan menganggur lepasan sesi 1997-2002 yang memiliki ijazah kelas pertama turut gagal mendapat sebarang pekerjaan akibat tidak mampu berkomunikasi dengan baik dalam bahasa Inggeris³⁷.

³⁷ Massa. Ogos 2003, him. 14.